

07 NOV 1998

India-pelaburan

INDIA BERMINAT MELABUR DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 7 Nov (Bernama) -- Kerajaan Negeri yakin akan menerima beberapa pelaburan baru dari India ekoran kejayaan rombongan perdagangan Pulau Pinang ke negara itu, baru-baru ini.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini berkata rombongan lebih 20 anggota delegasi termasuk para usahawan dan anggota Dewan Perniagaan Bersama Pulau Pinang memeterai tiga persefahaman bersama (MoU) dengan syarikat swasta dan dewan perniagaan India.

Antara syarikat yang menjalin persefahaman itu ialah Suiwah Group of Companies yang memeterai perjanjian dengan Amsoft Group di Bangalore, katanya pada persidangan berita di sini.

Amsoft Group ialah sebuah syarikat pemasaran dan pembuatan perisian komputer dan kedua-dua syarikat bercadang membuka sebuah kilang pengeluaran di sini.

Beliau berkata para pemimpin India juga memberi sambutan menggalakkan kepada kehadiran rombongan Pulau Pinang dan ini memberi keyakinan bahawa negara berkenaan berminat melabur di negeri ini.

Rombongan delegasi Pulau Pinang itu mengadakan misi perdagangan ke empat negeri di India iaitu Chennai, Bangalore, Hyderabad dan Mumbai.

Koh berkata, para pemimpin India juga terpikat dengan Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ketua Menteri Andhra Pradesh, Chandrababu Naidu, berkata Wawasan 2020 yang menjadi aspirasi Malaysia sebenarnya telah menarik minat India untuk meletakkan satu wawasan yang seumpama itu", katanya.

Koh serta beberapa anggota rombongan itu pulang ke sini hari ini setelah menamatkan rombongan seminggu sejak 2 November lepas.

-- BERNAMA

AA NAK